



Negeri Pulau Pinang

# **PENYATA RASMI**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI  
YANG KESEPULUH**

**PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
MESYUARAT YANG KEDUA**

**23 NOVEMBER 2000 (KHAMIS)**

DIKELUARKAN OLEH  
UNIT DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG

# **PENYATA RASMI**

## **DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KESEPULUH**

### **PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA MESYUARAT KEDUA**

**23 November 2000**

| <b>Kandungan</b>                                                                                                                                                             | <b>Muka Surat</b> |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| Rang Undang-undang anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan)(Pindaan) Tahun 2000 (bacaan kali pertama)                                                     | 1                 |
| Rang Undang-undang anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan)(Pindaan) Tahun 2000 (bacaan kali kedua)                                                       | 2                 |
| Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993" (bacaan kali pertama)                            | 8                 |
| Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993" (bacaan kali kedua)                              | 9                 |
| Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman mengambil bahagian dalam perbahasan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993" | 13                |
| Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya menggulung perbahasan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993"                     | 15                |
| Ucapan Penangguhan oleh Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Encik Law Heng Kiang).                                                                                                | 22                |
| Ucapan balas atas ucapan penangguhan oleh Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah)                                                               | 23                |

# **PENYATA RASMI**

## **DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KESEPULUH**

### **PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA MESYUARAT KEDUA**

---

***23 Nov 2000 (Khamis)***

***(Tempat: Dewan Undangan Negeri,  
Lebuh Light, Pulau Pinang)***

---

Yang Berhormat Dato' Speaker (Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid) - Ahli Kawasan Pinang Tunggal

YAB Ketua Menteri (Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) Ahli Kawasan Tanjung Bunga

Yang Berhormat Tim. Ketua Menteri (Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya) –  
Ahli Kawasan Telok Bahang

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri (Dato' Khalid bin Ramli)

Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Dato' Alizatul Khair bt. Osman Khairuddin)

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri (Encik Leong Ah Hin)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Dato' Kee Phaik Cheen)

“ “ Perai (Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)

“ “ Sungai Aceh (Dato' Haji Abdul Rashid b. Abdullah)

“ “ Bukit Gelugor (Dato' Koay Kar Huah)

“ “ Machang Bubuk (Dato' Dr. Toh Kin Woon)

“ “ Penaga (Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)

“ “ Kebun Bunga (Dr. Teng Hock Nan)

“ “ Telok Ayer Tawar (Puan Jahara bt. Hamid)

“ “ Paya Terubong (Dr. Loh Hock Hun)

“ “ Berapit (Encik Lau Chiek Tuan)

“ “ Bagan Jermal (Dato' Dr. Sak Cheng Lum)

“ “ Padang Kota (Encik Teng Chang Yeow)

“ “ Telok Kumbar (Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Haji Syed Ahmad)



***Dewan disambung semula pada jam 9.45 pagi***

**Setiausaha:**  
**DOA**

**Tuan Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan di sambung semula.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan)(Pindaan) Tahun 2000.

**Ketua Menteri:**

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 dibacakan bagi kali yang pertama".

**Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):**

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980".

**Tuan Speaker:**

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

**Ketua Menteri:**

Dato' Speaker, saya mohon kebenaran Dato' Speaker di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 118 untuk mencadangkan penggantungan Peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan rang undang-undang ini dibawa dalam semua peringkatnya di dalam mesyuarat ini."

**Tuan Speaker:**

Saya beri kebenaran.

**Ketua Menteri:**

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat digantung kuatkuasanya buat sementara bagi membolehkan Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 2000 dibawa dalam semua peringkatnya di dalam mesyuarat ini juga."

**Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huar):**

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:**

"Masalahnya ialah satu cadangan telah dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 118 untuk penggantungan Peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2000 dibawa dalam semua peringkatnya di dalam mesyuarat ini dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan, "Ya" yang tidak bersetuju katakan "Tidak",

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Tuan Speaker:**

"Ya", sebulat suara.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 2000 – bacaan kali yang kedua.

**Ketua Menteri:**

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 dibacakan bagi kali yang kedua. Tujuan rang undang-undang ini dibentangkan ialah untuk membuat pindaan kepada Seksyen 3,4,6 dan 7 Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 berikutan daripada keputusan kerajaan negeri untuk menaikkan saraan bulanan anggota pentadbiran kerajaan negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri supaya selaras dengan keputusan kerajaan persekutuan untuk menaikkan saraan bulanan anggota pentadbiran persekutuan dan Ahli-ahli Parlimen sebanyak 10% mulai 1 Januari tahun 2000.

Dato' Speaker, selaras dengan keputusan ini adalah dicadangkan bahawa rang undang-undang ini juga berkuatkuasa mulai 1 Januari tahun 2000. Sungguhpun pindaan-pindaan ini akan berkuatkuasa mulai 1.1.2000 namun saraan baru ini hendaklah dibayar mulai tarikh perlantikan ataupun pemilihan Speaker, Timbalan Speaker, Ahli Dewan Undangan Negeri dan anggota pentadbiran yang berkenaan mengikut mana yang terkemudian. Kadar saraan anggota pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang digunakan pakai oleh kerajaan negeri pada masa ini adalah berdasarkan peruntukan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 seperti yang telah dipinda oleh Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) tahun 1997. Manakala kadar saraan bagi Timbalan Speaker adalah berdasarkan pada Enakmen yang sama seperti yang dipinda oleh Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan)(Pindaan) Tahun 2000. Berikutan daripada pindaan-pindaan yang dicadangkan ini saraan baru adalah seperti berikut:-

- 1) Saraan bagi Ketua Menteri hendaklah berupa gaji bulanan sebanyak RM11,715.00 sebulan yang merupakan kenaikan sebanyak RM1,065.00 sebulan.
- 2) Saraan bagi Speaker Dewan Undangan Negeri hendaklah berupa gaji bulanan sebanyak RM5,049.00 sebulan yang merupakan kenaikan sebanyak RM459.00 sebulan.
- 3) Saraan bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah berupa gaji bulanan sebanyak RM5,049.00 sebulan yang merupakan kenaikan sebanyak RM459.00 sebulan.
- 4) Saraan bagi Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri hendaklah berupa elaun bulanan sebanyak RM1,650.00 yang merupakan kenaikan sebanyak RM150.00 sebulan.
- 5) Saraan bagi Ahli Dewan Undangan Negeri hendaklah berupa elaun bulanan sebanyak RM3,399.00 yang merupakan kenaikan sebanyak RM309.00 sebulan.

Selain daripada kenaikan tersebut di atas elaun bulanan Timbalan Ketua Menteri sebanyak RM1,000/- sebulan juga akan dinaikan sebanyak 10% menjadikan elaun bulannya RM1,100/- sebulan. Dato' Speaker, pindaan-pindaan ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan kepada Kerajaan negeri yang dianggarkan lebih kurang RM220,000.00 setahun. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):**

Dato' Speaker, saya memohon menyokong.

**Tuan Speaker:**

Siapa yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini? Tiada, Ketua Menteri kalau ada hendak menggulung.

**Ketua Menteri:**

Dato' Speaker, memandangkan bahawa tidak ada perbahasan, ini dianggap sebagai sokongan penuh dan saya mengucapkan terima kasih. Apa yang saya ingin tegaskan di sini bahawa ialah tugas kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga sebagai Anggota-anggota Pentadbiran memang amatlah penting dan hendaklah diambil berat setiap masa dan saya percaya bahawa semua anggotan Pentadbiran iaitu ahli EXCO dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri akan terus bertungkus lumus bersama-sama dengan rakyat untuk menjalankan tugas masing-masing. Kenaikan 10% ini cuma merupakan satu cara untuk membolehkan saraan yang sedia ada ini selaras dengan keputusan kerajaan persekutuan. Sebenarnya mengikut maklumbalas yang diterima daripada wakil rakyat, Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri, saraan dalam bentuk elaun bulanan yang sedia ada ini memang tidak begitu mencukupi untuk menjalankan tugas yang begitu berat dan agak mendesak. Walau bagaimanapun inilah sistem kita di mana wakil rakyat setakat ini dianggap sebagai berkhidmat untuk rakyat di mana elemen kesukarelaan iaitu amatlah penting begitu juga bagi anggota-anggota pentadbiran, dengan ini saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli dewan dan kepada semua anggota pentadbiran kerana telah melaksanakan tugas dan akan terus melaksanakan tugas dan ingin saya tambah sekali lagi iaitu ini adalah selaras dengan keputusan kerajaan pusat untuk menaikkan gaji untuk semua anggota perkhidmatan awam sebanyak 10% juga maka adalah menasabah bahawa anggota pentadbiran dan ahli Dewan Undangan Negeri juga menikmati kenaikan 10% , terima kasih.

**Tuan Speaker:**

Terima kasih, Y.B. Masalah yang kita hadapi ialah rang undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Tuan Speaker:**

"Ya", sebulat suara.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama 'Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980.

Rang undang-undang telah dibaca kali yang kedua. Rang undang-undang sekarang berada dalam Jawatankuasa.

**Setiausaha :**

Fasal 1

**Tuan Speaker:**

Fasal 1 adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Setiausaha:**

Fasal 2.

**Tuan Speaker:**

Fasal 2 adalah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Setiausaha:**

Fasal 3.

**Tuan Speaker:**

Fasal 3 adalah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Setiausaha:**

Fasal 4.

**Tuan Speaker:**

Fasal 4 adalah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Setiausaha:**

Fasal 5.

**Tuan Speaker:**

Fasal 5 adalah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Setiausaha:**

Fasal 6.

**Tuan Speaker:**

Fasal 6 adalah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan)(Pindaan) 2000.

**Tuan Speaker:**

Tajuk penuh dan fasal yang mengundang adakah menjadi rang undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Tuan Speaker:**

Dewan bersidang semula.

**Ketua Menteri:**

Dato' Speaker, saya mohon melaporkan bahawa rang undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2000 yang dipertimbangkan di dalam jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang sekarang dibacakan bagi kali ketiga serta diluluskan.

**Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):**

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:**

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah rang undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Tuan Speaker:**

"Ya". sebulat suara.

**Setiausaha:**

Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan)(Pindaan) 2000. Maka dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh kuasa perundangan Negeri Pulau Pinang.

**Tuan Speaker:**

Rang undang-undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang Pentadbiran Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2000.

**Timbalan Ketua Menteri:**

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama 'Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993' dibacakan bagi kali yang pertama.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah):**

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Setiausaha:**

Rang undang-undang bernama 'Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993'.

**Tuan Speaker:**

Rang undang-undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

**Timbalan Ketua Menteri:**

Dato' Speaker, saya mohon kebenaran Dato' Speaker di bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat 118 untuk mencadangkan penggantungan Peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-undang ini di bawa dalam semua peringkatnya dalam semua mesyuarat ini.

**Tuan Speaker:**

Saya beri kebenaran.

**Timbalan Ketua Menteri:**

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan 59 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat di gantung kuatkuasanya buat sementara bagi membolehkan Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Pindaan 2000 di bawa dalam semua peringkatnya di dalam mesyuarat ini juga.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah):**

Dato' Speaker, saya memohon menyokong.

**Tuan Speaker:**

Masalahnya ialah satu cadangan telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 118 untuk penggantungan Peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-undang Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Pindaan 2000 di bawa dalam semua peringkatnya di dalam mesyuarat ini dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Tuan Speaker:**

"Ya", sebulat suara.

**Setiausaha:**

Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Pindaan 2000 bacaan kali yang kedua.

**Timbalan Ketua Menteri:**

Dato' Speaker, saya memohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993 di bacakan untuk bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993 selepas ini dirujuk sebagai enakmen bagi mengemaskinikan enakmen supaya ianya diselaraskan dengan perkembangan semasa dan bagi memperjelaskan kuasa Majlis Agama Islam negeri Pulau Pinang ataupun di sebut majlis supaya ia mendapat, dapat berfungsi sebagai sebuah badan yang lebih mantap dan berkesan.

Dato' Speaker, Rang Undang-undang ini mengandungi pindaan kepada Seksyen 2, 39, 71, 73 dan 93 serta kemasukan seksyen baru 25A hingga M dan Seksyen baru 31A secara ringkasnya pindaan-pindaan ini meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Perkataan atau takrifan iman dan ratib di dalam Seksyen 2 dan Seksyen 71 digugurkan daripada enakmen ini. Pengguguran perkataan ini ialah kerana jawatan ini tidak pernah wujud di negeri Pulau Pinang. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 93 digubal berdasarkan kepada Akta Pentadbiran Agama Islam Wilayah Persekutuan yang telah menerima pakai ke semua peruntukan akta itu termasuk peruntukan mengenai iman dan ratib atas anggapan bahawa jawatan itu juga terdapat di negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, jawatan itu tidak pernah diwujudkan dan pengekalannya itu di dalam enakmen adalah tidak selaras dengan keadaan sebenar dan menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam di negeri ini.

- (ii) Perkataan khatib dan Penolong Khatib juga dicadangkan dimansuhkan dan digantikan dengan perkataan Penolong Imam. Menurut hukum syarat sah menjadi Imam Jumaat ialah Imam hendaklah mendengar kedua-dua kutbah. Oleh itu, pengasingan di antara tugas khatib dan Imam sebagaimana berlaku pada masa ini memungkinkan sembahyang Jumaat tidak sah sekiranya ketika khatib membaca kutbah Imam tertidur atau terlewat hadir ke masjid. Oleh itu, bagi mengelakkan perkara sedemikian berlaku dicadangkan setiap Jumaat tugas membaca kutbah dan menjadi Imam ialah orang yang sama. Imam dan Penolong Imam akan bertugas bergilir-gilir pada setiap Jumaat. Pindaan ini juga bertujuan untuk mengseimbangkan atau mengoptimalkan tugas-tugas pegawai masjid berkenaan kerana kerja, tugas khatib hanya sekali seminggu sedangkan Imam bertugas sepenuh masa bergilir-gilir dengan Penolong Imam. Elaun khatib adalah sama dengan Penolong Imam. Sekiranya cadangan pindaan ini diluluskan struktur perjawatan di masjid akan berubah di mana Imam akan dibantu oleh Penolong Imam 1, Penolong Imam 2 dan Penolong Imam 3, Ini akan melicinkan perjalanan atau pengurusan sesuatu masjid kerana Imam akan dibantu oleh 3 pegawai masjid.
- (iii) Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini meliputi pindaan untuk memberi kuasa secara khusus kepada Majlis, melantik pegawai dan pekhidmatnya serta kuasa untuk mengambil tindakan tata-tertib dan surcaj terhadap mereka. Sejak ia ditubuhkan Majlis telah melantik 49 pegawai bagi menguruskan semua urusan Majlis yang meliputi baitulmal, tanah wakaf dan sebagainya. Walau pun pada dasarnya Majlis mempunyai kuasa untuk melantik dan mengambil tindakan tata tertib terhadap kakitangannya yang melanggar disiplin atau peraturan yang ditetapkan namun begitu oleh kerana tiada peruntukan yang jelas di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam negeri Pulau Pinang 1993, tindakan tatatertib sukar untuk dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, Seksyen baru 25A hingga 25M dicadangkan untuk memberi kuasa secara nyata kepada Majlis untuk melantik pegawai dan pekhidmatnya serta kuasa melaksanakan tindakan tatatertib. Penubuhan Jawatankuasa Tatatertib dan keaggotaan jawatankuasa tatatertib. Kuasa untuk membuat peraturan tatatertib serta amaran denda pelucutan emolumen, penangguhan pergerakan gaji, pemotongan gaji, penurunan pangkat dan buang kerja dan prosedur membuat rayuan ke atas Lembaga Rayuan Tata Tertib serta juga sebab-sebab yang membolehkan tindakan surcaj diambil dan prosedur yang berhubung dengannya.

- (iv) Ialah pindaan memasukkan seksyen baru 31A. Seksyen ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada Majlis untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1995 bagi menjalankan apa-apa aktiviti Majlis dalam melaksanakan kewajipan atau kuasa-kuasanya di bawah Seksyen 30. Di bawah Seksyen 30, Majlis diberi kuasa yang luas untuk menjalankan aktiviti atau kegiatan bagi membangunkan sosial ekonomi umat Islam di negeri Pulau Pinang. Selaras dengan kuasa itu Majlis telah menubuhkan Syarikat As-Shahabah Urus Zakat Sdn. Bhd yang lebih dikenali sebagai Pusat Urus Zakat atau PUZ dalam tahun 1994. Penubuhan PUZ oleh Majlis dalam tahun tersebut adalah untuk melicinkan urusan pengutipan zakat di negeri Pulau Pinang dengan mewujudkan sistem maklumat dan sistem kutipan berkomputer seperti yang dilakukan oleh Pusat Urus Zakat, Pusat Pungutan Zakat (PPZ) di Wilayah Persekutuan. Majlis ketika itu berpendapat adalah lebih wajar dan *efficient* sekiranya urusan pengutipan zakat dijalankan oleh sebuah badan berkorporat yang mempunyai Lembaga Pengarah yang berasingan. Justeru itu, PUZ telah ditubuhkan di bawah Seksyen 31 Enakmen iaitu peruntukan yang memberi kuasa kepada Majlis untuk memansuhkan perbadanan perniagaan. Walau bagaimanapun, dari segi undang-undang kuasa tersebut kurang sesuai bagi membolehkan penubuhan sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1995. Majlis perlu diberi kuasa secara khusus untuk berbuat demikian dan seksyen baru 31A memberi kuasa dengan kelulusan Yang Dipertuan Agung bagi menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1995 untuk menjalankan apa-apa aktiviti Majlis dalam melaksanakan kewajibannya di bawah Seksyen 30. Seksyen 31A juga mengesahkan penubuhan syarikat yang telah ditubuhkan sebelum seksyen ini berkuatkuasa khususnya PUZ serta apa-apa pembiayaan atau bantuan kewangan yang telah diberikan oleh Majlis kepada PUZ sejak ianya ditubuhkan.
- (v) Pindaan kepada Seksyen 93 yang bertujuan untuk membolehkan semua harta benda yang tertakluk kepada seksyen 92 khususnya tanah wakaf di letak hak pada Majlis secara automatik tanpa apa-apa pemindahan, penyerahan atau pemindahan pemilikan dan bukannya selepas tanah tersebut didaftarkan seperti yang diperuntukkan sekarang. Di bawah Seksyen 92 Enakmen Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi kesemua wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas. Dan Majlis juga menjadi pemegang tunggal bagi kesemua nazar am dan kesemua amanah daripada semua perihal dan mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut syarak.

Seperti yang diketahui umum berbanding dengan negeri lain negeri Pulau Pinang mempunyai bilangan tanah wakaf yang paling banyak. Tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang diletakkan di bawah pentadbiran Majlis melalui penguatkuasaan enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1959. Sebahagian tanah-tanah itu yang kebanyakannya terletak di bawah Bandar Raya Georgetown di perolehi menerusi serahan oleh Muslim & Hindu Enakmen Board manakala sebahagian lagi diperolehi melalui kaedah kaedah lain. Penyenaraian tanah wakaf dalam simpanan Majlis setakat ini melibatkan 797 lot dengan keluasan 365.4 hektar bagi keseluruhan negeri Pulau Pinang iaitu 82.6 hektar terletak di bahagian pulau dan 282.7 hektar terletak di bahagian Seberang Perai. Masalah yang dihadapi oleh Majlis ialah pengawalan tanah-tanah wakaf dari segi menentukan ianya tidak dilupuskan kepada pihak-pihak lain yang tidak berhak keatasnya. Masalah ini timbul kerana hanya sebahagian daripada tanah-tanah wakaf ini telah didaftarkan di atas nama Majlis. Sebahagian lagi masih dalam proses pendaftaran dan proses ini mengambil masa yang agak lama. Oleh kerana enakmen sekarang ini memperuntukkan bahawa tanah-tanah wakaf hanya diletak hak kepada Majlis hanya selepas ianya didaftarkan maka Majlis menghadapi kesukaran untuk menghalang mana-mana pihak daripada melupuskan tanah-tanah tersebut sebelum ianya didaftarkan. Peruntukan yang dicadangkan ini yang mengekalkan semula peruntukan yang terdapat di dalam undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1999 di dapati lebih berkesan dan dapat mengamal jika tidakpun mengatasi masalah ini.

Selain daripada pindaan-pindaan di atas rang undang-undang ini juga mencadangkan pindaan dibuat kepada Seksyen 39 iaitu dengan menggantikan pegawai daripada Jabatan Agama Islam Pulau Pinang dengan pegawai daripada Pejabat Mufti sebagai Setiausaha Jawatankuasa Syariah. Pindaan ini adalah lebih wajar memandangkan jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Mufti sendiri dan ianya diletak di bawah pentadbiran Pejabat Mufti. Pindaan juga dicadangkan di buat kepada Seksyen 63 bagi membolehkan Majlis melantik mana-mana pegawai Biro Bantuan Guaman selain daripada pegawai undang-undang kerajaan persekutuan yang berkhidmat dengan Biro tersebut dilantik sebagai Peguam Syarie. Memandangkan kebanyakan daripada kes-kes yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman terdiri daripada kes-kes Mahkamah Syariah pindaan ini adalah sangat perlu dan wajar kerana ia akan membolehkan pegawai-pegawai berkenaan mengendalikan kes-kes di Mahkamah Syariah.

Akhir sekali beberapa pindaan kecil juga dicadangkan kepada sub-sekseyen 73(1) dan Sub-sekseyen 107(O) bagi memasukkan perkataan yang tertinggal dan membetulkan kesilapan cetakan yang terdapat di dalam enakmen. Seperti yang dinyatakan sebelum ini adalah diharapkan dengan pindaan-pindaan ini Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang akan dapat menjalankan peranan dan fungsinya lebih cekap, *efficient* dan berkesan. Tuan Speaker: saya memohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah):**

Tuan Speaker: saya memohon menyokong.

**Tuan Speaker:**

Sekarang dibuka untuk perbahasan. Siapa ingin mengambil bahagian. YB Permatang Pasir.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Encik Mohd Hamdan bin Abd. Rahman)**

Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya bangun untuk mendapatkan sedikit penjelasan daripada YB daripada Telok Bahang yang juga sebagai Pengerusi, Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Iaitu berkenaan dengan pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam ini yang melibatkan pegawai-pegawai masjidlah khususnya. Terutamanya dengan memotong perkataan "Naqib Masjid" itu saya tidak ada masalah, imam Rawatib itu pun saya tidak masalah tetapi yang menjadi kemusykilan ini masalah khatib dan Pembantu khatib. Jadi sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Y.B. Telok Bahang tadi khatib ini ialah yang baca khutbah lah Jumaat dan juga khutbah Hari Raya Idilfitri dan juga khutbah Hari Raya Aidiladha. Jadi sekarang ini peraturan yang telah dibuat atau prosedur yang telah dibuat oleh Majlis Agama Islam yang digunapakai oleh masjid-masjid ialah imam dan khatib ini berasingan tetapi tadi Y.B. Telok Bahang mengatakan bahawasanya pertukaran ini perlu dengan kerana takut-takut imam nanti tertidur sebab untuk mensahkan sembahyang Jumaat 40 orang tetapi hari ini yang kita tahu sembahyang Jumaat bukan 40 orang, sampai 100 orang pun lebih satu-satu masjid dan imam ini dia tidak boleh tidur sebab dia bukan boleh tidur dalam masjid, dia duduk pun dia tidak boleh batal sebab dia duduk itu cara yang Islam aturkan dia tidak boleh batal. Sebab itu kalau, walaupun dia batal ada lagi orang lain yang boleh mensahkan Jumaat itu, satu.

Yang keduanya apakah apabila peraturan ini diluluskan makna kata khatib yang ada sekarang ini ataupun penolong khatib yang ada sekarang ini akan digantikan dengan penolong imam? Digantikan yang khatib yang ada hari ini di masjid-masjid ini dibuang? Ertinya diganti dengan adanya enakmen ini ataupun khatib-khatib itu juga akan *diendorse* (dengan izin) sebagai penolong imam? Itu soalan saya.

Dan yang ketiganya masalah yang terdapat dalam 25(c)(2) – “Sesuatu Jawatankuasa Tataertib hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan anggota Majlis selain daripada Yang DiPertua atau pegawai Majlis atau apa-apa kombinasi anggota dan pegawai itu dan yang saya musykil sekarang ini ialah satu Jawatankuasa Tataertib dengan anggota Majlis selain daripada Yang DiPertua dan juga pegawai Majlis dan apa kombinasi anggota ertinya yang boleh dilantiklah, ertinya yang saya fahamkan boleh dilantik oleh Jawatankuasa yang ada itu termasuk oleh sama ada Yang DiPertua hendak lantik lagi, tetapi dia tidak had bilangannya. Selalunya dalam peraturanlah tetapi saya pun dalam segi peraturan saya pun cetek, tetapi Yang Mulia Penasihat Undang-undang Negeri pun ada bersama-sama kita. Cumanya yang selalunya kita lihat kalau anggota pegawai tidak melebihi, katakan 10 orang, 20 orang, yang macam tidak ada had. Boleh jadi 20, boleh jadi 30, boleh jadi sampai 100 orang. Jadi itu saya ingin penjelasan juga.

Keempatnya iaitu masalah Pegawai Perakaunan dalam pindaan 25(F)(2), Pegawai Perakaunan. Apakah ini termasuk Amil-amil yang dilantik oleh Majlis Agama melalui PUZ, melalui Pungutan Urusan Zakat ertinya Majlis Agama ada melantik Amil-amil untuk mengutip wang-wang daripada zakat misalnya zakat Hari Raya Fitrah misalnya. Jadi ada Amil yang mengutipnya, apakah Amil ini masuk dalam Pegawai Perakaunan sebab kewajipan untuk memungut, menerima atau mengakaunkan atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaunkan apa-apa wang Majlis. Ertinya Amil-amil ini juga kalau ikut dalam ini saya agak dia termasuk sekalilah. Kalau termasuk sekali itu okaylah fasal apa dia fasal dalam sini kalau kita perlu ada satu penguatkuasaan untuk menjaga Amil-amil ini. Ini bukan kata kita tidak percaya kepada Amil, tidak, tetapi mungkinlah, mereka pun manusia boleh menjadi penyelewengan, seterusnya saya ingin juga menyentuh mengenai dengan masalah tanah wakaf. Walaupun saya telah banyak bercakap dahulu mengenai dengan wakaf cumanya sekarang ini ada satu masalah yang timbul masalah wakaf ini iaitu masalah yang saya mendapat laporan bahawasanya ada dakwaan premis-premis yang ada sekarang ini di, duit kopi yang diambil daripada orang yang kedua. Walaupun Y.B. Telok Bahang ada menjawab tetapi saya tidak begitu jelas dalam jawapan yang telah diberi dan kenyataan akhbar pun ada dan katanya, “MAIK sedang siasat dakwaan duit kopi yang dipungut daripada penyewa yang kedua” ini kenyataan akhbar yang saya dapat dan juga daripada maklumat orang ramai. Jadi saya rasa setakat ini itulah yang hendak saya bangkitkan. Terima kasih Dato’ Speaker.

**Tuan Speaker:**

Siapa lagi hendak ambil bahagian? Ahli Kawasan Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed):**

Y.B. Tuan Speaker, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya bangun untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam bagi Pulau Pinang Pindaan 2000. Cuma ada satu perkara saja saya hendak menyentuh iaitu yang pertama tentang tadi semasa dibentangkan Y.A.B. Ketua Menteri menjelaskan kita hendak wujudkan akibat pemansuhan jawatan khatib dan penolong khatib kita akan wujudkan jawatan penolong imam I, penolong imam II, penolong imam III. Apa saya hendak tekankan di sini supaya jawatan penolong imam ini kita tidak namakan penolong imam I,II, III, tetapi kita cuma namakan penolong-penolong imam. Ini kerana kalau kita ada perbezaan kategori di kariah ini, kadang-kadang pegawai-pegawai dia kata, "awak ini penolong imam 1, awaklah buat kerja," penolong imam II dia hendak relax saja. Jadi masalah dia kalau boleh kita tidak usah nomborkan, tidak ada, semua penolong imam sahaja, bagi sama, makna senang dalam segi penyusunan tugas di kariah juga akan memudahkan mereka ini diatur setiap minggu tugas mereka, waktu dan sebagainya. Saya hendak menjelaskan di sini, bahawa kalau, saya setuju penuh dengan cadangan untuk kita hendak tiadakan jawatan khatib ini atas alasan yang telah diberikan oleh Y.B. Timbalan Ketua Menteri itu kerana selama ini kita dapati bahawa khatib ini dia hanya bertugas pada hari Jumaat tetapi elaun yang diterima sama dengan elaun penolong imam. Sebab itu ada penolong imam yang merasakan tidak selesa kerana mereka bertugas setiap hari sedangkan khatib ini hanya bertugas pada hari Jumaat dan juga pada Hari Raya sama ada Raya Aidil Adha ataupun Raya Aidilfitri. Yang Berhormat Dato' Speaker saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:**

Ada lagi yang ingin mengambil bahagian? Kalau tidak ada saya jemput Ahli Telok Bahang untuk menggulung kalau ada.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih Dato' Speaker dan saya ucapkan terima kasih kepada ahli-ahli yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan yang singkat ini. Nampaknya Ahli-ahli Dewan ini, *majority* Dewan ini menyokong pindaan-pindaan yang telah dibawa pada hari ini, tidak banyak yang dibahaskan.

Ahli daripada Permatang Pasir yang membangkitkan tentang pindaan perkataan khatib dan penolong khatib dan beliau berpendapat bahawa tidak mungkin imam terbatal kerana tunggu lama dalam masjid sementara mendengar khutbah. Sebenarnya ini boleh berlaku, kita manusia biasa, ini boleh berlaku berbagai-bagailah, oleh sebab itu kita, seelok-eloknya kita perkemaskan undang-undang kita, peraturan kita supaya tidak memungkinkan imam-imam kita terbatal kerana masalah-masalah kemanusiaan. Yang sebenarnya Tuan Speaker: saya pernah bersembahyang di satu masjid di kawasan saya sendiri pun ada berlaku yang tersebut ini, tertidur. Dengan sebab itu eloklah kita kemaskan peraturan kita atau pun undang-undang kita.

Jadi memang, Ahli Sungai Dua bersetujulah supaya ditukarkan daripada khatib kepada imam, kepada penolong imam. Tentang anggota Jawatankuasa Tata tertib memang tidak disebut, dalam pindaan ini tidak sebut jumlah angka berapa ramai ahli-ahli yang duduk di dalam Jawatankuasa Tata tertib tetapi, ini saya kira Dato' Speaker boleh dibuat dalam peraturan, dalam peraturan yang dibentangkan kepada Majlis penuh dan apabila telah dipersetujui kita akan ikut Peraturan yang dipersetujui itu. Makna jumlah anggota Jawatankuasa Tata tertib boleh dihadkan dan dipersetujui di dalam Majlis dalam bentuk peraturan kepada Enakmen ini.

Berkenaan dengan Pegawai Perakaunan, ini memang termasuklah Amil-amil yang dilantik oleh Majlis. Tentang tanah wakaf yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Permatang Pasir memang ahli Permatang Pasir bangkitkan perkara ini dalam soalan bertulis dibangkitkan dan saya menjawab bahawa setakat ini belum ada laporan yang khusus yang spesifik tentang mana-mana premis, jadi cuma kita dengar dicakap-cakap luar saja tetapi walau bagaimanapun kalau ada kes-kes yang spesifik yang ada aduan bolehlah pihak Majlis akan bersedia untuk disiasat perkara-perkara ini. Kalau ada rungutan ataupun aduan yang spesifik. Setakat ini tidak ada kita terima mana-mana aduan yang khusus tentang mana-mana premis.

Tentang ahli Sungai Dua, penolong-penolong imam tidak mahu dinamakan 1, 2 dan 3, yang ini adalah cadangan yang baik dan isya allah kita akan buat secara *administrative*, bermakna kita bentang di dalam Majlis penuh dan apabila dipersetujui kita akan namakan penolong-penolong imam sahaja. Jadi makna tugas dan tanggungjawabnya adalah sama. Perkara yang telah dibimbangkan tentang khatib, tentang sama ada khatib yang ada sekarang akan dipecat, penolong khatib akan dipecat, ini kita akan bincang di peringkat Majlis lah, tetapi seboleh-bolehnya kita akan kekalkan mereka ini cuma tukar dia punya *title*, dia punya pangkat, daripada khatib kepada penolong imam dan sebagainya, tidak perlulah, kalau, dan kita seboleh-bolehnya tidak mahu mengganggu urusan masjid ini dan kita seboleh-bolehnya cuba mengekalkan mereka yang ada kecualilah kalau dia terlalu melampau menyeleweng dan sebagainya maka mungkin kita akan ubah dan seboleh-bolehnya kita kekalkan mereka ini Cuma ubah panggilannya sahaja.

Saya ingat itu sahaja yang telah dibangkitkan oleh ahli-ahli Dewan Undangan ini, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dan insya-Allah, pihak Majlis akan berusaha sedaya upaya bekerja keras untuk membangunkan masyarakat Islam di Pulau Pinang ini. Terima kasih, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Speaker:**

Perbahasan sudah pun selesai. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah rang undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Tuan Speaker:**

"Ya", sebulat suara.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam negeri Pulau Pinang Pindaan 1993.

**Tuan' Speaker:**

Rang Undang-undang telah dibaca kali yang kedua. Rang Undang-undang sekarang berada dalam Jawatankuasa.

**Tuan Speaker:**

Rang Undang-undang telah dibaca kali yang kedua. Rang Undang-undang sekarang berada dalam Jawatankuasa.

**Setiausaha:**

Fasal 1.

**Tuan Speaker:**

Fasa 1 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Fasa 2.

**Tuan Speaker:**

Fasa 2 adakah menjadi sebahagian Rang Undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Fasa 3.

**Tuan Speaker:**

Fasa 3 adakah menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Fasa 4.

**Tuan Speaker:**

Fasa 4 adakah menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Fasa 5.

**Tuan Speaker:**

Fasa 5 adakah menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Fasa 6.

**Tuan Speaker:**

Fasa 6 adakah menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Fasa 7.

**Tuan Speaker:**

Fasa 7 adakah menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Fasa 8.

**Tuan Speaker:**

Fasa 8 adakah menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Fasa 9.

**Tuan Speaker:**

Fasa 9 adakah menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Fasa 10.

**Tuan Speaker:**

Fasa 10 adakah menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Dewan bersidang semula. Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993.

**Tuan Speaker:**

Tajuk penuh dan Fasa yang mengundang adakah menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Timbalan Ketua Menteri:**

Dato' Speaker saya memohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang pindaan 2000 telah dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa dan dipersetuju tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang sekarang di bacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah):**

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:**

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." yang tidak bersetuju katakana "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Tuan Speaker:**

"Ya," sebulat suara.

**Setiausaha:**

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang pindaan 2000 maka dengan ini adalah diperbuat undang-undang oleh kuasa perundangan negeri Pulau Pinang.

**Tuan Speaker:**

Rang Undang-undang telah dibacakan yang kali ketiga serta diluluskan.

**Ketua Menteri:**

Tuan Speaker: saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

20.11.2003

**Timbalan Ketua Menteri:**

Tuan Speaker: saya mohon menyokong.

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mencadangkan dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan sebelum itu terdapat satu notis ucapan panangguhan daripada Y.B. Ahli Batu Lintang.

**Tuan Speaker:**

Dijemput Ahli Kawasan Batu Lintang.

**Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):**

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam ucapan penangguhan, saya ingin membangkitkan beberapa projek perumahan yang telah mengakibatkan masalah-masalah di penduduk di kawasan Batu Lintang. Yang pertama dengan projek Taman Wu Lien, projek Taman Wu Lien ini adalah terletak di Jalan Perak yang terbengkalai lebih 10 tahun dan ini baru-baru ini diambil alih oleh Syarikat Kok Hoon iaitu syarikat yang dipaparkan di bursa saham dan syarikat ini mendapat banyak kontrak dari kerajaan negeri. Projek ini telah siap tetapi longkang-longkang yang dibina oleh pemaju adalah tinggi dan baik tetapi ia ditepi longkang tersebut ada longkang-longkang yang semula ada iaitu longkang yang dimiliki oleh penduduk-penduduk di sana dan longkang yang tinggi ini telah menutup longkang penduduk-penduduk di sana menyebabkan apabila hujan telah banjir berlaku di sana dan kami juga merayu kepada pemaju tersebut dan penduduk-penduduk juga merayu tetapi tindakan tidak diambil oleh pemaju dan masalah lagi satu ialah longkang yang dibina oleh pemaju ini terlalu tinggi juga menutup jalan penduduk-penduduk di sana mengakibatkan keluar dan masuk susah, memotong haluan juga telah masuk kereta atau lori tidak boleh masuk.

Projek yang kedua saya ingin sentoh ialah projek Taman Iaitu juga di Jalan Perak yang dimiliki oleh Dawoo Properties, pemaju ini telah membina pagar jin disekeliling projek pembangunan tersebut dan juga mengakibatkan jalan-jalan di kawasan itu telah ditutup dan juga mengakibatkan penduduk di sana tidak boleh keluar masuk dan terpaksa menggunakan jalan-jalan yang sempit ditempat yang lain dan kerja-kerja dibuat oleh pemaju ini juga mengakibatkan rumah-rumah di kawasan sana pecah sedikit atau *crack*.

Projek yang ketiga yang saya ingin sentoh ialah Taman Cemerlang, Taman Cemerlang adalah perumahan yang terletak di Jelutong Barat iaitu berhampiran Jalan Jelutong, penduduk-penduduk di sana merayu bahawa mereka membeli rumah ini hampir RM120,000 tetapi pagar di sana adalah dibina oleh Jin dan bukan batu bata dan harap MPPP mengambil siasat adakah ia mengikut pelan atau tidak mengikut.

Dan projek keempat ialah Taman Sutera Emas yang juga terletak di Jalan Perak. Projek ini telah siap dan diduduki telah 3 tahun dahulu. Masalahnya penduduk di sana mereka mahu membaiki rumah-rumah mereka dan terpaksa memberikan wang deposit sebanyak RM1000 untuk tiap-tiap unit dan masalahnya habis sudah siap *renovation*, wang deposit ini masih tidak dapat diambil balik dan projek yang lain adalah juga projek terbengkalai di Jalan Perak dan ini mengakibatkan rumput rampai berselerak di sana tidak dijaga, tidak dipotong mengakibatkan nyamok aedes pun berada di kawasan tersebut dan sampah sarap pun dibuang di sana. Saya harap pihak Kerajaan atau MPPP boleh mengambil tindakan terhadap pemaju-pemaju yang tidak menjaga kepentingan penduduk-penduduk dikawasan sana atau pembeli-pembeli rumah. Sekian saya ucapkan.

**Tuan Speaker:**

Ucapan balas.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah):**

Tuan Speaker, ucapan penangguhan yang diberi notis oleh Y.B. dari Batu Lancang untuk berucap dan membangkitkan beberapa projek perumahan yang dibina sekitar Batu Lancang yang telah membawa masalah kepada penduduk-penduduk yang menduduki berhampiran dengan pembangunan tersebut.

Tuan Speaker, apa yang telah dibangkitkan oleh Y.B. dari Batu Lancang sebenarnya adalah perkara-perkara yang berbangkit dalam peraturan dan perlaksanaan projek-projek perumahan sepertimana yang disediakan oleh pihak Majlis Perbandaran dari segi kelulusan dengan syarat-syarat yang telah dikenakan mengikut prosidur yang telah dikuatkuasakan apabila sesuatu projek perumahan diluluskan dan kerja pembinaan dimulakan, syarat-syarat tertentu akan dikenakan kepada pemaju supaya kerja-kerja tersebut tidak menimbulkan masalah baik kepada orang yang tinggal di persekitaran mahupun kepada orang ramai keseluruhannya di antara syarat-syarat yang tersebut adalah seperti berikut:-

Alat menanam cerucuk jenis diesel memang tidak dibenarkan, ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kacau ganggu dan pencemaran bunyi dan juga habuk.

Kedua menyediakan satu tempat untuk mencuci tayar lori yang berulang alik dari tapak pembinaan, ini adalah bertujuan untuk memastikan jalan-jalan awam diluar tapak pembinaan tidak dikotori.

Ketiga pemaju dikehendaki mengambil langkah supaya tidak berlaku pembinaan nyamuk di tapak pembinaan dan perkara ini akan sentiasa dipantau oleh Jabatan Kesihatan Majlis Perbandaran.

Pemaju juga dikehendaki membina sekatan-sekatan dan pagar-pagar secukupnya untuk mengasingkan jalan-jalan, bangunan-bangunan persekitaran daripada tapak pembinaan dan memaksa jaring-jaring keselamatan untuk mengelak bahan-bahan binaan daripada jatuh dari bangunan demi keselamatan penduduk sekitar.

Tuan Speaker, pada masa ini di sekitar kawasan Batu Lancang terdapat sekurang-kurangnya 6 projek perumahan iaitu projek yang pertama Sutera Emas Development Sdn. Berhad, yang kedua Regatan Maju Sdn. Bhd., yang ketiga Projek Kuarters Guru untuk Kementerian Pendidikan, yang keempat Projek Wu Lien Sdn. Bhd dan dua lagi projek oleh UDA Bina Sdn. Bhd. Dan pelan projek ini adalah yang terbesar yang sedang dibina di kawasan ADUN Batu Lancang, projek-projek tersebut berada dipelbagai peringkat dari peringkat awal untuk memulakan kerja sehinggalah ke peringkat yang hampir siap menunggu pengeluaran Sijil Penghunian melalui aduan-aduan yang telah diterima terdapat 2 projek iaitu KUKUH EMAS Sdn. Bhd. Dan juga juga projek Wu Lien Sdn. Bhd. yang pernah menimbulkan masalah kepada orang awam di mana pihak Majlis menerima aduan-aduan terutamanya penduduk-penduduk di kawasan sekitar.

Di antara aduan-aduan yang diterima adalah berikutan dengan masalah jalan masuk atau *excess* ke rumah-rumah yang berhampiran dan masalah yang kedua ialah masalah perparitan dan sekatan aliran air. Mengenai jalan masuk ke rumah-rumah yang berhampiran dengan projek dan masalah perparitan ini ianya berlaku kerana rumah-rumah tersebut, kebanyakan rumah-rumah papan yang telah dibina dalam keadaan yang tidak teratur atau tersusun tanpa sistem perparitan yang sempurna hasilnya gangguan akan berlaku apabila kerja-kerja pembinaan yang baru sedang giat berjalan. Gangguan ini memanglah sukar dielakan seratus peratus atau diatasi dengan mudah.

Majlis walaubagaimana pun sentiasa menasihatkan pemaju memantau pemaju supaya sediakan *excess* yang mencukupi untuk kemudahan penduduk-penduduk yang tinggal dikawasan berhampiran. Begitu juga parit-parit sementara akan dibina untuk memastikan aliran air tidak tersekat hingga menyebabkan berlaku banjir kilat. Baru-baru ini pihak MPPP telah meminta pihak MPPP pemaju mengemukakan pelan saliran awalan hasil daripada rayuan yang telah dibuat oleh pihak penduduk untuk diluluskan oleh pihak Majlis sebelum kebenaran memulakan kerja diberikan oleh pihak Majlis. Pelan saliran awalan ini adalah satu pelan yang menunjukkan kerja-kerja saliran sementara dan langkah-langkah mengelakan banjir daripada berlaku semasa pembinaan dijalankan di tapak projek. Walau bagaimanapun Majlis akan memastikan semua perkara-perkara asas seperti *excess* yang sempurna dan kekal untuk kawasan di sekitar dan system perparitan yang lengkap mengikut pelan-pelan yang telah diluluskan disediakan dan dibina oleh pihak pemaju sebelum Sijil Penghuni dikeluarkan.

Tuan Speaker, kerajaan negeri dan pihak Majlis Kerajaan Tempatan akan peka dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang ramai terutamanya yang tinggal berhampiran dengan satu-satu projek perumahan yang dalam pembinaan. Pemantauan yang ketat akan terus dijalankan oleh pelbagai pihak terutamanya oleh pihak MPPP untuk memastikan orang ramai tidak akan menghadapi masalah berpanjangan dengan adanya projek-projek tersebut. Walau bagaimanapun orang ramai hendaklah juga sedikit bertolak ansur dengan keadaan yang timbul yang dianggap sebagai sementara sehingga projek ini dapat disiapkan sepenuhnya. Sekiranya pembinaan yang dijalankan melanggar prosedur ataupun syarat yang telah disediakan, pihak Majlis tidak akan teragak-agak untuk mengeluarkan notis berhenti kerja kepada pemaju demi menjaga kepentingan penduduk yang berkenaan. Inilah jawapan yang dapat kita berikan secara umum dan bersesuaian dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Lancang berkaitan dengan beberapa projek yang memang kita telapun mengesan yang menimbulkan rungutan penduduk-penduduk di sekitarnya. Terima kasih.

**Tuan Speaker:**

Boleh runding selepas Dewan nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat kita sudah sampai ke peringkat penghujung. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah memberi kerjasama dan memastikan mesyuarat kita selesai pada masa yang ditetapkan.

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam dan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada yang beragama Kristian. Saya juga dimaklumkan jamuan teh dan tengahari juga disediakan pada hari ini. Dewan ditangguhkan.

***Dewan ditangguhkan pada jam 10.50 pagi.***